

Pemimpin politik kena duduk semeja stabilkan negara, pulihkan ekonomi

Kerajaan perpaduan

Oleh **MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI, HADI AB. MANAP dan ZAREEN HUMAIRAH SEJAHAN**
utusannews@mediamula.com.my

KUALA LUMPUR: Pembentukan kerajaan perpaduan melibatkan kerjasama Perikatan Nasional (PN) dan pembangkang dianggap jalan terbaik menstabilkan semula politik yang semakin bercelaru ketika negara bergelut dengan wabak Covid-19 dan keruntuhan ekonomi.

Kemelut tersebut perlu dihentikan demi rakyat yang menunggu kerajaan menyelamatkan mereka yang semakin ramai tenat kerana impak pandemik tersebut.

Selepas beberapa hari ketidaktentuan itu, pemerhati dan penganalisis politik berpendapat hanya menerusi pemben-

tukan kerajaan perpaduan untuk satu tempoh tertentu wajar dipertimbangkan.

Penganalisis politik Jabatan Kenegaraan dan Ketamadunan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), **Profesor Madya Dr. Mohd. Iza ni Mohd. Zain** berkata, rakyat perlu bangkit menyatakan pandangan serta memberi tekanan kepada ahli politik bagi menyelesaikan isu terbabit.

Selepas berlarutan, katanya, langkah pembentukan kerajaan perpaduan dilihat jalan terbaik masa ini dan seandainya ketika ini UMNO memberi sokongan kepada Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim sekalipun, tiada jaminan kemelut dapat diselesaikan parti itu.

Bersambung di muka 2

Kerajaan perpaduan

Dari muka 1

“Anwar pasti akan lebih mengutamakan PKR dan DAP seperti pembahagian jawatan dalam Kabinet. MCA pula bukan lagi pilihan kaum Cina selepas ditolak dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) dan Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah.

“Di sini akan timbul juga masalah. Jadi pembentukan kerajaan perpaduan buat sementara mungkin boleh dicuba untuk menurunkan suhu panas politik negara,” katanya kepada *Utusan Malaysia* semalam.

UMNO sebelum ini menimbang menarik diri daripada menyokong PN atau membuat syarat baharu secara perjanjian bertulis sebelum meneruskan kerjasama dengan kerajaan Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Difahamkan, rasa tidak puas hati pemimpin dan akar umbi UMNO kepada kerajaan pimpinan Muhyiddin berlaku selepas Pilihan Raya Negeri Sabah yang didakwa tidak menyebelahi parti itu.

Kelmarin Anwar yang menghadap Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin al-Mustafa Billah Shah mempersembahkan dokumen mengenai jumlah ahli parlimen yang didakwa menyokong beliau untuk menggantikan Muhyiddin sebagai Perdana Menteri.

Penganalisis politik **Profesor Dr. Kartini Aboo Talib** berkata, dalam situasi terkini, Majlis Raja-Raja boleh memainkan



Rasa tidak puas hati pemimpin dan akar umbi UMNO kepada kerajaan pimpinan Tan Sri Muhyiddin Yassin berlaku selepas Pilihan Raya Negeri Sabah kerana didakwa tidak menyebelahi parti itu.

peranan membantu Yang di-Pertuan Agong menyelesaikan kemelut politik yang belum ada tanda untuk tamat.

“Majlis Raja-Raja juga perlu menyedarkan pemimpin tanpa mengira kerajaan pusat ataupun negeri untuk wujudkan satu mekanisme yang membolehkan mereka bekerjasama.

“Kita boleh mencadangkan kepada pemimpin-pemimpin raja untuk menasihati pemimpin politik supaya memberikan fokus dan tenaga untuk memenuhi tanggungjawab kepada negara dan rakyat,” jelasnya.

Penganalisis ekonomi daripada Putra Business School, **Prof. Madya Dr. Abu Sofian Yaacob** pula berkata, pertumbuhan ekonomi dalam tempoh tiga bulan terakhir tahun ini perlu dijaga kerana ia bakal

memberi kesan besar kepada unjuran Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tahun depan.

Katanya, amat menyedihkan apabila negara-negara lain bersatu-padu memulihkan ekonomi ketika berdepan pandemik Covid-19 tetapi Malaysia pula dihimpit masalah dalaman akibat percaturan politik tidak bijak.

“Suku keempat sepatutnya kerajaan kena fikirkan apa yang terbaik boleh ditawarkan kepada rakyat dalam Belanjawan 2021. Bukannya masih bertelagah dan berpolitik berlebihan.

“Rangsangan dalam bentuk pelaburan awam perlu diberikan agar ekonomi dalam negara dapat berjalan melalui pembinaan infrastruktur dan sebagainya,” kata beliau ketika dihubungi *Utusan Malaysia* semalam.

Dalam pada itu, Setiausaha Agung Majlis Perundangan Melayu (MPM), **Datuk Dr. Hasan Mad** berkata, sudah tiba masanya tiga figura politik Melayu iaitu Anwar, Muhyiddin dan Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi yang ‘bercakaran’ duduk semeja memikirkan masalah yang lebih besar daripada soal kerusi Perdana Menteri.

“Mereka bertiga kena muhasabah diri. Selaku pemimpin Melayu sepatutnya boleh duduk semeja.

“Selamatkan negara dahulu bukan selamatkan keinginan masing-masing untuk jadi Perdana Menteri,” kata beliau.